

kampus

kampus



PERSEMBAHAN dikir barat kotemporari Islam.

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my

USIM Street dakwah pikat generasi muda

Memperkasa agenda dakwah ke arah pembentukan insan melalui aktiviti kesenian muzik Islam

PENDEKATAN dakwah untuk menambat hati generasi muda perlu dipelbagaikan sesuai dengan perkembangan semasa, kata Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Menurutnya, terdapat pelbagai cara dan medium dakwah yang boleh digunakan bagi menarik minat orang muda terhadap penghayatan Islam dan ia termasuk melalui aktiviti kesenian USIM Street Dakwah yang dianjurkan di Pasar Seni Kuala Lumpur yang berjaya mengamit perhatian orang ramai yang mengunjungi bangunan bersejarah itu baru-baru ini.

"Bersesuaian dengan temanya, USIM Street Dakwah mempunyai agenda penting untuk dihayati. Menampilkan konsep dan pengisian yang berbeza berbanding aktiviti kumpulan pemuzik jalanan (*buskers*) lain, menghidangkan hiburan yang mengajak ke arah pembentukan sahsiah masyarakat.

"Program ini membawa agenda yang membina jati diri dengan pilihan lagu-lagu yang mempunyai hala tuju insaniah dalam

mengetengahkan seni muzik, lagu dan puisi yang berteraskan Islam selain berjaya memberi mesej kepada masyarakat umum



bahawa dakwah bukan sahaja melalui forum-forum agama atau ceramah tetapi dipelbagaikan melalui kesenian," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui dalam program USIM Street Dakwah yang diadakan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW),

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Malaysia Busker's Club dan Utusan Malaysia. Yang turut hadir, Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas; Timbalan Pengarah JPW, Che Azizah Che Rashid; Pengarah Pendidikan *Utusan Malaysia*, Wahid Hashim dan Presiden Malaysia Busker's Club, Wadi Hamdan. Dalam program itu, para



PENGACARA, Asrul (kiri) dan pendakwah bebas, Nazrul Izwan Zolkiflee (tengah) beramah mesra dengan salah seorang penonton USIM Street Dakwah.



DR. MUSA AHMAD (kanan) menyampaikan cendermata kepada Mohd. Noordin Abbas (kiri) atas kerjasama akhbar *Utusan Malaysia* sempena USIM Street Dakwah.



MOHD. NOORDIN ABBAS (dua dari kiri) menerangkan kandungan berita akhbar *Utusan Malaysia* kepada Dr. Musa Ahmad (dua dari kanan) sempena USIM Street Dakwah di Pasar Seni Kuala Lumpur baru-baru ini.



DR. MUSA AHMAD (tengah) bersama urus setia penganjur USIM Street Dakwah.

pelajar dan tenaga kerja USIM serta artis-artis seperti Asrul, Siso Kopratasa, I'm Muzika, USIM *Buskers*, Perkusirama, Akusukabusers turut mengadakan persembahan.

Program yang menampilkan kepelbagaian genre muzik itu membawa penonton dengan kelainan dengan dendangan lagu kerohanian melalui alunan muzik dan bait-bait lirik yang disampaikan ternyata menyajikan satu santapan rohani kepada orang ramai.

Selain persembahan nyanyian muzik yang diadakan secara percuma

kepada pengunjung Pasar Seni itu, Dr. Musa Ahmad dan Mohd. Noordin turut mendeklamasikan puisi masing-masing yang bertajuk *Rintis Jalan Dakwah* dan *Mencari Selesa*.

Sementara itu, Mohd. Nordin berkata, penganjur USIM Street Dakwah dengan kerjasama Kumpulan Utusan itu dapat melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu membangunkan modal insan di negara ini.

"Ini bertepatan dengan aspirasi dengan fungsi akhbar *Utusan Malaysia* sebagai pemangkin fikiran rakyat dan USIM yang merupakan institusi dalam melahirkan generasi berilmu.

"Melalui program dan aktiviti ini diharapkan akan menggalakkan lagi usaha dalam memperkasa kesenian dan kebudayaan Islam," katanya.



Gambar ZAINI HUSIN & RUSHDY SALLEH

DR. MUSA AHMAD menyampaikan puisi bertajuk *Rintis Jalan Dakwah*.



PARA pengunjung yang hadir menyaksikan persembahan USIM Street Dakwah.



PERSEMBAHAN kumpulan Akusukabusers berjaya menarik perhatian orang ramai yang mengunjungi Pasar Seni Kuala Lumpur.